

# Manifestasi dua seni menyuntik Patriotisme

Negara dulunya Balai Seni lukis Negara di mana terdapat lebih dari lima puluh buah karya seni terdiri dari catan dan beberapa buah arca koleksi Balai Seni Negara.

Tujuan utama pameran Negaraku di adakan adalah menyusuri sejarah tertubuhnya Balai Seni Negara di samping melihat secara dekat peranan institusi tersebut berkhidmat kepada pembentukan negara.

Karya yang di dalam pameran menekankan kepada seni, budaya serta sosial masyarakat Malaysia terhadap terjemahan mereka kepada patriotisme dengan mengarabkan kepelbagaian unsur budaya visual tradisional masyarakat.

Gerakan ini memang sentiasa berlaku dalam negara yang sedang membangun di mana semangat regionalisme atau kedaerahan disemarakkan agar khalayak lebih menyedari betapa pentingnya budaya hidup masyarakat tempatan mengukuhkan semangat cintakan negara atau patriotisme itu sangat berkait rapat. Melalui poster dinding pameran dapat di gambarkan bahawa kepelbagaian seni yang di pameran dalam pameran tersebut menunjukkan bagaimana berbagai bangsa dan keturunan dalam masyarakat majmuk Malaysia memainkan peranan penting bagi membangunkan negara tercinta. Beberapa tokoh seni negara dari berbagai-bagai daerah dan negeri Malaysia yang menghasilkan karya seni catan yang mengukuhkan semangat khalayak negara Malaysia ciptakan.

Pelukis lama dan baru bersama sama berganding tangan mempamerkan karya mereka dengan tafsiran yang berbagai-bagai berhubung kait dengan Negaraku dan kemerdekaan. Pelukis lama seperti Syed Ahmad Jamal, Latif Mohidins, Awang Damit, Hossein Enas bergabung di bawah satu bumbung

membawakan imej dan tajuk menceritakan kehidupan rakyat Malaysia dari berbagai-bagai budaya dari Perlis hingga Sabah.

Karya yang di utarakan dalam pameran Negaraku bukan sahaja meliputi karya seni catan terdapat juga karya seni cetakan, seni grafik komunikasi serta filem pendek dari koleksi kerajaan dan individu.

Lukisan ilustrasi oleh Hossein Enas umpamanya dalam percetakan buku sekolah dan juga poster muhibah antara kaum juga menjadi elemen utama sebagai karya terawal mengetengahkan isu hidup dalam masyarakat majmuk ketika negara melalui proses pembentukan negara bangsa yang berdaulat salah satu tujuan adalah mengukuhkan perpaduan antara kaum semasa zaman darurat di Malaysia.

Tidak kurang juga karya sebelum merdeka semasa dan selepas merdeka di pameran bersama dalam pameran untuk membuat perbandingan dari sudut sejarah, budaya, hal benda dan juga gaya yang terdapat setiap peringkat perkembangan seni visual menterjemahkan budaya bangsa.

Oleh itu tidak hairan jika karya pemandangan AB Ibrahim, Abdullah Arif, Yong Mun Seng dan Sallehudin menjadi pilihan untuk mewakili period negara di ambang merdeka. Karya mereka menggambarkan kepesatan ekonomi negara yang sedang membangun, masyarakat berbilang kaum yang sedang berinteraksi serta pemandangan yang aman damai di kampung Melayu China dan India. Karya Syed Ahmad Jamal, Yeoh Jing Ling, Latiff Mohidin serta Anthony Lau mewakili period selepas merdeka dan yang akhir sekali pelukis muda seperti Awang Damit, Shiah Shih Ying, Chan Fee Meng, Zulkefli Yusof mewakili generasi selepas merdeka mentafsirkan kecintaan

pada negara melalui karya mereka yang dipengaruhi oleh unsur globalisasi yang menjadi fenomena ketika tahun sembilan puluhan.

Justeru pameran Negaraku mencerminkan kepelbagaian bentuk dan makna seni yang juga melambangkan kepelbagaian bangsa dan budaya di negara ini, Kepelbagaian kesenian dalam pameran Negaraku mencerminkan satu kesatuan menerusi tema pengkaryaan yang bertunjang kuat kepada sosio budaya dan masyarakat negara ini secara umumnya.

Menurut info poster yang disertakan dalam pameran tersebut, yang akan di rasmikan oleh Yang Berhormat Perdana Menteri Malaysia pada 16hb. June 2017 yang akan datang.

Satu lagi pameran yang membawa nada serupa tetapi tidak sama adalah Pameran *The Good Earth, Expression of Creative Energy* atau Pameran Bumi Bertuah Pernyataan Tenaga Kreatif mungkin di ilham kan dari sebuah novel terkenal tahun lima puluhan oleh Han Su Yin penulis keturunan China Amerika bertajuk *'The Good Earth'*.

Pameran Bumi Bertuah di angkat sebagai sebuah tajuk pameran yang berprestij adalah dengan tujuan memastikan khalayak melihat kehidupan yang mengaitkan alam, seni dan sains melalui ciptaan karya seni arca menerusi lensa arcaawan tempatan membentuk disiplin serta pengucapan seni tiga dimensi yang banyak dipadankan dari alam, sains dan juga teknologi.

Di samping itu seni arca yang mempunyai sejarah yang lama di negara ini tidak ketinggalan menyumbang kepada menyuntikkan semangat patriotisme di kalangan rakyat agar menyedari bahawa bumi Malaysia adalah bertuah dan mengekalkan suasana muhibah dan menghormati antara satu

sama lain sebagai menjamin keutuhan perpaduan yang sedia ada di negara ini, jika di banding dengan negara lain ramai manusia yang di tinda secara mental dan fizikal setiap masa dan waktu oleh sebab tidak wujudnya sikap hormat dan akur kepada undang undang negara.

Oleh itu pameran ini memfokuskan kepada disiplin arca kerana seni arca lebih mesra kepada masyarakat. Oleh itu Galeri Petronas menekankan bahawa arca adalah budaya manusia yang tidak boleh di pisahkan.

Dalam arca terkandung sejarah tamadun manusia, walau bagaimanapun dengan menjelmannya era modern dan teknologi seni arca sebagai sebuah disiplin tidak ketinggalan dengan bentuk serta idea yang baru pendek kata seni arca tetap utuh walaupun masa dan zaman berubah, oleh sebab itu kurator Galeri Petronas Pn. Ratna memberi perhatian yang utama dalam pemilihan karya yang ingin di pameran.

Pameran negara bertuah mengumpulkan karya arca dari arcaawan negara dan juga luar negara berdasarkan koleksi Galeri Petronas. Arca sebagai pengucapan sendiri adalah salah satu disiplin yang sangat berpengaruh. Ambil contoh karya Ramlan Abdullah, Abdul Mutalib Musa, Anthony Lau, Syed Ahmad Jamal, Bayu Utomo Rajikin dan Raja Shariman sebagai menyebut beberapa tokoh besar dalam seni arca negara.

Salah satu karya yang menarik dalam pameran di Petronas adalah seni instalasi yang di hasilkan pelukis keturunan Hungry bermastautin di negara Perancis Victor Vasaraley, beliau adalah pelopor seni Op atau Optic Art terkenal di persada antara bangsa.

Karya beliau dalam bentuk geometri diperbuat daripada bahan kayu tetapi yang


menariknya ia di hiasi dengan lukisan berwarna warni dalam bentuk kotak dan bulat beliau yang terkenal, Satu lagi karya yang di hasilkan oleh arca wan antara bangsa adalah Adolf Frank Carl Maria Loos adalah seorang arkitek berbangsa Hungry dan beliau seorang radikal. yang sangat arif berkaitan teori seni bina modern. Dalam pameran ini karya beliau di wakili dengan sebuah karya arca minimalist bahan kristal.

Dalam hal ini khalayak berpeluang menikmati karya profesional berkualiti tinggi dari segi idea serta teknik pembuatannya. Pameran Good Earth memberitahu khalayak akan kepentingan hidup berlandaskan budaya serta peka terhadap alam semula jadi dan teknologi, Terdapat karya yang di hasilkan oleh arcaawan Singapura Bro Joseph Mc Nally berbentuk kayu dan tembaga. Karya beliau lebih mirip kepada gaya linear atau kegarisan bersahaja, tetapi tinggi terjemahan hidupnya kerana garis adalah dasar kepada seni visual yang perlu merujuk kepada asal usul ilmu tersebut.

Tidak kurang juga karya yang mantap dari arcaawan tempatan dengan karya yang mengutarakan kematangan mengarabkan simbiosis alam seni dan sains.

Justeru itu menifestasi dua seni yang akan berlangsung di galeri perdana ibu kota Kuala Lumpur adalah bertujuan meraikan peranan seni visual dalam melaksanakan tugas serta khidmat seni sebagai komunikasi bagi memupuk semangat kecintaan terhadap negara tercinta sebagai menyedarkan khalayak keindahan negara bersendikan semangat negara bumi bertuah.

**\*\*\*PENULIS merupakan Pensyarah Seni Visual, Fakulti Kemanusiaan, Seni dan Warisan di Universiti Malaysia Sabah (UMS).\*\*\***



**CATATAN  
KANVAS KOYAK**

**DR BAHARUDDIN  
MOHD ARUS**

UB 4.6.2017 B2  
SEKEMBALINYA saya beberapa hari bercuti ke Kuala Lumpur atas urusan keluarga saya berkesempatan melawat dua pameran yang berlain tajuk tetapi mempunyai objektif yang sama iaitu meraikan kehidupan di bumi merdeka.

Pameran yang di maksudkan adalah Negaraku di Balai Seni Negara dan *The Good Earth* atau Bumi Bertuah di Galeri Petronas. Seni visual sebagai komunikasi adalah media yang senang menjangkau fikiran manusia kerana ia hanya perlu lihat dan di hayati. Bermaksud dengan melihat manusia sudah bisa menelan apa sahaja yang di hidangkan di depan mata mereka.

Oleh kerana negara kita akan menyambut hari kemerdekaan yang ke enam puluh maka beberapa pameran lukisan yang di adakan di ibu kota Kuala Lumpur mengutarakan keprihatinan serta terjemahan merdeka melalui seni visual sama ada arca atau pun seni catan dan cetakan.

Saya berpeluang melawat pameran Negaraku satu pameran yang besar diadakan di Balai Seni